

22 JUN 2003

Hadi-Mahathir

DR MAHATHIR BERJAYA BAWA PERUBAHAN, KATA HADI

KUALA TERENGGANU, 22 Jun (Bernama) -- Pemangku Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini mengakui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya membawa perubahan kepada negara dan juga bangsa Melayu, terutama dalam bidang ekonomi.

Menurutnya walaupun beliau sering mengkritik apa yang Dr Mahathir lakukan, tetapi tidak dinafikan Dr Mahathir telah melakukan beberapa reformasi yang tidak dilakukan oleh pemimpin sebelumnya.

"Saya rasakan walaupun saya kritik beliau, saya tak setuju dalam beberapa perkara, di sana terdapat beberapa reformasi yang dilakukan oleh Dr Mahathir, di dalam pemerintahan, yang tidak dilakukan oleh pemimpin Umno yang dahulu.

"Di antaranya ialah usaha yang dilakukan beliau (Dr Mahathir) untuk memberikan tempat kepada orang Melayu dalam ekonomi, ini saya tidak nafikan," katanya ketika ditemui pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata tindakan membantu orang Melayu dalam ekonomi adalah bertepatan bagi memastikan kejayaan mereka dalam bidang itu yang sebelum ini mundur berbanding bangsa lain.

Hadi berkata beliau juga bersetuju dengan tindakan yang diambil Dr Mahathir dalam menangani krisis kewangan yang melanda negara tidak lama dahulu dengan menolak pinjaman daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Menurutnya ini secara tidak langsung dapat menolak atau menafikan campur tangan organisasi kewangan yang dikuasai kuasa asing dalam sistem kewangan negara.

Tetapi Hadi berpendapat Dr Mahathir sebenarnya masih tidak puashati dengan pencapaian itu kerana masih terdapat beberapa perkara yang belum selesai.

Ketika ditanya sama ada Dr Mahathir perlu menanggungkan peletakkan jawatannya bagi menyelesaikan perkara tersebut, Hadi berkata Dr Mahathir telah buat keputusan untuk berhenti dan perkara itu tidak boleh diperkatakan lagi, tetapi Dr Mahathir perlu membuat perubahan yang berani.

"Dia dah buat keputusan untuk berhenti, itu tak boleh nak kata apa, tapi sepatutnya beliau membuat perubahan yang berani sebelum mengundurkan diri, cipta sejarahnya sebelum dia berhenti, iaitu dengan menyuburkan demokrasi," katanya.

Hadi berkata PAS akan terus menyokong usaha reformasi tersebut dalam usaha membantu orang Melayu, dengan pemimpin yang menggantikannya perlu membuat beberapa perubahan.

Menurutnya ini termasuk tidak hanya menumpukan kepada orang Melayu tetapi turut memberi peluang kepada bangsa lain yang juga masih lemah dalam ekonomi.

Katanya mereka yang berjaya dalam ekonomi juga perlu bekerjasama untuk membantu bangsa lain seperti Melayu dan bukannya menindas bangsa lain untuk kepentingan diri sendiri.

Ketika ditanya mengenai sama ada peralihan kuasa dalam Umno akan memberi kelebihan kepada PAS, Hadi berkata: "Kita lebih mahu supaya kejayaan dicapai oleh kekuatan kita sendiri dan oleh kemampuan kita sendiri dan bukan semata-mata menumpang daripada masalah yang dihadapi oleh Umno," katanya.

-- BERNAMA

HIS LAT